

**SOALAN NO.: 213**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**SOALAN :**

**Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan statistik ekspot minyak sawit Malaysia iaitu jumlah yang diimpot oleh berbagai negara dalam 3 tahun terakhir. Apakah masalah-masalah utama yang mengancam ekspot minyak sawit Malaysia.

## **JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minyak sawit Malaysia dieksport ke hampir 170 buah negara dan destinasi utama pasaran eksport minyak sawit Malaysia adalah India, Kesatuan Eropah, China, Pakistan, Turki, Filipina dan Amerika Syarikat. Statistik eksport minyak sawit bagi tempoh 3 tahun terakhir adalah seperti di **Lampiran**.

Antara isu-isu perdagangan utama yang mempengaruhi eksport minyak sawit Malaysia seperti berikut:

(i) **Perbezaan Duti Import**

Negara pengimport mengenakan tarif import yang lebih tinggi ke atas minyak sawit diproses (PPO) berbanding dengan minyak sawit mentah (CPO). Memandangkan PPO lebih banyak dieksport berbanding dengan CPO, maka tindakan ini akan menjelaskan eksport PPO Malaysia dari terus bersaing dengan minyak sayuran lain.

(ii) **Isu Kesihatan & Nutrisi**

Semakin banyak negara maju yang menguatkuasakan peraturan kesihatan yang lebih ketat ke atas bahan bagi industri pembuatan makanan. Ekoran dari imej negatif minyak sawit, produk makanan berasaskan sawit juga telah mula dilabelkan di negara-negara seperti Perancis, Belgium dan Itali.

Terdapat juga negara yang menguatkuasakan peraturan kawalan mutu yang lebih ketat ke atas import minyak masak, contohnya penguatkuasaan yang lebih ketat oleh *General Administration of*

*Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIIQ) China ke atas beberapa parameter minyak masak termasuk minyak sawit.*

(iii) Isu Kemampanan Tanaman Sawit

Terdapat beberapa Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar dan pengguna di beberapa negara yang mendakwa bahawa industri pengeluaran minyak sawit telah memusnahkan kawasan hutan dan mengancam habitat spesies semula jadi. Ini memburukkan imej minyak sawit dari sudut kemampanan.

Kementerian bersama-sama dengan agensinya akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan eksport produk-produk sawit. Ini termasuk menganjurkan seminar khusus di luar negara untuk menerangkan kelebihan minyak sawit dan sudut kemampanan pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

Lampiran

**PASARAN EKSPORT UTAMA MINYAK SAWIT MALAYSIA**

Bil	Negara	2014		2015		2016	
		Kuantiti (Tan)	Nilai (RM)	Kuantiti (Tan)	Nilai (RM)	Kuantiti (Tan)	Nilai (RM)
1.	India	3.09 juta	7.50 billion	3.68 juta	8.03 billion	2.82 juta	7.16 billion
2.	Kesatuan Eropah	2.19 juta	5.65 billion	2.36 juta	5.64 billion	1.90 juta	5.19 billion
3.	China	2.88 juta	7.12 billion	2.43 juta	5.37 billion	1.87 juta	4.84 billion
4.	Pakistan	0.76 juta	1.98 billion	0.62 juta	1.53 billion	0.81 juta	2.22 billion
5.	Turki	0.07 juta	0.21 billion	0.39 juta	0.92 billion	0.64 juta	1.76 billion
6.	Filipina	0.50 juta	1.28 billion	0.65 juta	1.52 billion	0.63 juta	1.66 billion
7.	Amerika Syarikat	0.72 juta	1.85 billion	0.59 juta	1.42 billion	0.53 juta	1.37 billion
8.	Vietnam	0.62 juta	1.55 billion	0.58 juta	1.35 billion	0.55 juta	1.48 billion
9.	Jepun	0.52 juta	1.35 billion	0.54 juta	1.31 billion	0.44 juta	1.18 billion
10.	Bangladesh	0.28 juta	0.71 billion	0.28 juta	0.64 billion	0.44 juta	1.11 billion
11.	Lain-lain negara	4.94 juta	13.61 billion	4.74 juta	12.38 billion	4.68 juta	13.47 billion
<b>JUMLAH</b>		<b>16.57 juta</b>	<b>42.81 billion</b>	<b>16.86 juta</b>	<b>40.11 billion</b>	<b>15.31 juta</b>	<b>41.44 billion</b>